

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) WISMA BINTARA 2019 INSMAT TUDM KINRARA

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4501-mesyuarat-agung-tahunan-agm-wisma-bintara-2019-insmat-tudm-kinrara

INSMAT, 12 Feb 19 - Wisma Bintara Institut Latihan Pengurusan Materiel (INSMAT) TUDM Kinrara telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) tahun 2019 bertempat di Dewan Utama Wisma Bintara INSMAT. Turut hadir Pegawai Memerintah INSMAT, Lt Kol Mohd Amran bin Yaakob TUDM dan Pegawai Penjaga Wisma Bintara Kapt Nur Al Syahidah binti Yunos TUDM. Mesyuarat ini diadakan bertujuan melantik Yang Dipertua Wisma Bintara serta Ahli Jawatan Kuasa yang baru bagi tahun ini.

Selain merasmikan AGM Wisma Bintara 2019, Pegawai Memerintah telah melantik PW U I Faizal bin Yusof sebagai YDP Wisma Bintara, F/Sjn Anuar bin Mat Noor sebagai Bendahari Wisma Bintara dan Sjn U Khaizura Azhani bin Mohamad sebagai Setiausaha Wisma Bintara bagi tahun 2019.

